



Modul Bahasa Inggeris berkonsepkan Fun Learning tingkat kemahiran pelajar sekolah

Berita dan foto oleh: AHMAD BADRUZZAMAN IDRIS, AISYATUL SAKINAH BAHARUDIN, JURUFOTO OLEH NURUL 'AFINA MOHD AZMI DAN SHARIFAH NURAINA SYED NAHAR

Seramai 51 murid tahun lima dan empat dari Sekolah Kebangsaan (SK) Guar Nangka, Arau Perlis berpeluang menimba pengalaman dan berinteraksi dengan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Projek Kilauan Mutiara anjuran Kelab In-Smartive UMP pada 17 Julai 2016 yang lalu.

Projek selama tiga hari tersebut yang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perlis (JPNPs) merupakan edisi ketiga sejak mula-mula diperkenalkan di SK Guar Nangka pada tahun 2013.

Dengan fokus terhadap peningkatan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan peserta, projek ini turut bertujuan meningkatkan motivasi dan persediaan mereka untuk menghadapi peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Menurut Pengurus Projek, Muhamad Firdaus Azman, 20, yang juga mahasiswa tahun dua di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UMP, modul bagi siri projek kali ini

dirumuskan khusus sejajar dengan keperluan pihak sekolah dan aspirasi JPNPs untuk menjadikan Projek Kilauan Mutiara sebagai sebahagian daripada sarana outreach dalam kerangka Highly Immersive Programmes (HIPS) yang kini sedang dilaksanakan di seluruh negeri Perlis.

“Modul-modul pembelajaran bahasa Inggeris direka bentuk menurut konsep *Fun Learning* dengan pengisian seperti *Chopp!*, *Explorace*, *Spell It Right*, *Tongue Twister* dan lain-lain,” katanya.

Keberkesanan konsep *Fun Learning* bagi merangsang minat peserta untuk mendalami bahasa Inggeris secara seronok dan santai ini diakui sendiri oleh Muhamad Farish Farhan Mohd Sofy, 11 dan Nur Amirah Khoynul, 11 yang turut menerima penghargaan Anugerah Peserta Terbaik Projek.

Kedua-duanya menyuarakan kegembiraan kerana berpeluang berinteraksi dan menjalani aktiviti bersama 20 mahasiswa UMP dari

pelbagai fakulti yang berperanan sebagai fasilitator.

Hadir merasmikan penutupan projek ialah Pegawai *School Improvement Specialist Coach (SISC+)*, Marsuzaina Mardipi yang hadir mewakili Pengarah Pendidikan Perlis.

Sambil mengalu-alukan komitmen sosial UMP melalui pelaksanaan Projek Kilauan Mutiara, beliau turut menyarankan supaya Kelab In-Smartive untuk menerajui inisiatif kesukarelawan pendidikan (*educational volunteerism*) seumpama ini dalam jaringan yang lebih luas dengan penyertaan lebih banyak sekolah rendah dan menengah di negeri Perlis.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Guru Besar SK Guar Nangka, Dalila Awang, Ketua Penyelidik Pejabat Naib Naib Canselor yang juga Penasihat Kelab In-Smartive, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dan Presiden Kelab In-Smartive, Muhammad Abdul Muhaimin Mamat.